

CABARAN DAN PELUANG LITERASI JAWI DALAM KALANGAN BELIA DIGITAL

Earnie Elmie Hilmi

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: earnie@ums.edu.my

Aishah Tamby Omar

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: aisyah@ums.edu.my

Noorafini Kassim

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: noorafini@ums.edu.my

Siti Rohani Jasni

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: s_rohani@ums.edu.my

Mohd Hatib Ismail

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: mohdhatib@ums.edu.my

ABSTRAK

Tulisan jawi merupakan tulisan identiti bangsa Melayu pada zaman dahulu yang digunakan dalam dunia persuratan Melayu. Di peringkat sekolah pula, tulisan jawi diperkenalkan dalam subjek pendidikan Islam dan juga Kelas Al-quran dan Fardhu Ain (KAFA). Belia kini mempunyai peluang yang luas untuk mempelajari tulisan jawi. Namun, tahap pengetahuan tentang tulisan jawi tidak mempunyai kesinambungan dan bersifat kelestarian apabila belia mula meninggalkan alam pendidikan. Kajian lalu mendapati isu utama belia dalam tulisan jawi masih di tahap penguasaan yang rendah. Tambahan lagi, apabila tulisan rumi mula diperkenalkan, tulisan jawi mula dipinggirkan dan hampir pupus disebabkan arus kemodenan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti literasi jawi dalam kalangan belia dalam cabaran era digital melalui kajian kualitatif. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa tahap penguasaan literasi jawi di kalangan belia masih rendah dan usaha pemartabatan literasi jawi perlu dipertingkatkan untuk mengekalkan kelestarian literasi jawi.

Kata kunci: Literasi; jawi; belia; digital

1. PENGENALAN

Tulisan jawi merupakan warisan peradaban Melayu yang digunakan dalam urusan rasmi pentadbiran dan juga literasi penduduk pada zaman dahulu. Apabila tulisan rumi mula diperkenalkan, tulisan jawi mula ditinggalkan dan akan pupus seandainya usaha-usaha memeliharanya tidak dijalankan. Tulisan jawi merupakan identiti bangsa Melayu dan perlu dipertahankan. Pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memelihara tulisan jawi, namun usaha ini masih tidak mencukupi tanpa dokongan daripada masyarakat. Pada masa kini, tidak ramai yang dapat menguasai literasi jawi terutamanya dalam kalangan belia digital. Tulisan jawi perlu seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini agar tulisan ini tidak hilang ditelan arus teknologi. Pengadaptasian perlu dilakukan agar tulisan jawi sesuai digunakan

sebagai literasi dalam kalangan belia pada masa kini yang mahir menggunakan digital. Pengadaptasian digital ini perlu agar kelestarian tulisan jawi dapat dikekalkan dalam kalangan masyarakat terutamanya belia yang merupakan tonggak negara. Kajian ini akan menelusuri cabaran dan peluang literasi jawi dalam kalangan belia digital melalui kajian kualitatif.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian literatur dalam mengenalpasti cabaran dan peluang literasi jawi dalam kalangan belia digital. Bahan-bahan rujukan yang berkaitan dianalisis untuk tujuan ini seperti artikel jurnal, akhbar dan juga bahan-bahan rujukan yang berkaitan.

3. HASIL DAN PERBINCANGAN

Sebelum perbincangan diteruskan, definisi belia di Malaysia ialah individu yang berumur 16 tahun hingga ke 40 tahun. Pada 1 Januari 2026 had umur belia ialah pada 30 tahun (*Harian Metro* 2023). Manakala belia digital (Hadafi Fitri 2025) ialah belia yang mahir dan selesa menggunakan teknologi digital dalam kehidupan mereka. Tulisan jawi merupakan warisan turun temurun, namun kelestariannya terancam dengan penggunaan tulisan rumi yang mendominasi dalam masyarakat Malaysia. Walaupun sedemikian, terdapat dalam kalangan belia yang masih lagi menguasai literasi jawi dan berminat untuk mempertingkatkan penguasaan literasi jawi. Bahan bacaan santai yang kurang menarik dan terhad di alam maya seperti novel dan komik menyebabkan golongan belia tidak dapat meneruskan pembacaan dalam tulisan jawi itu antara cabaran-cabaran dalam literasi jawi. Peluang untuk memperkukuhkan literasi jawi masih wujud antaranya dengan mengkomersialkan pendigitalan tulisan jawi. Kajian ini akan menghuraikan cabaran dan peluang literasi jawi dalam kalangan belia digital.

3.1 Cabaran literasi jawi

Cabaran-cabaran literasi dalam kalangan belia digital dapat dikenalpasti antaranya ialah:

1. Pembelajaran terhenti selepas pendidikan formal.
Belia yang baru melangkah keluar dari alam pendidikan formal masih lagi menguasai tahap literasi jawi kerana ingatan masih segar terhadap literasi jawi (Noorain Syahirah dan Aminuddin 2022). Cuma, apabila tahun demi tahun berlalu dan belia tidak mempraktikkan literasi jawi, kemahiran tersebut semakin menghilang (Noorain Syahirah dan Aminuddin 2022).
2. Sumber rujukan yang terhad
Sumber rujukan agak terhad dalam media cetak dan penerbitan (Nurhanis Hidayah dan Julaina 2024) serta juga di media elektronik dan dalam talian (Norsuhaila 2022).
3. Bahan bacaan yang kurang menarik
Bagi (Nurhanis Hidayah dan Julaina 2024), bahan bacaan yang ada di pasaran kurang menarik berbanding bahan bacaan dalam tulisan rumi.
4. Pertambahan perbendaharaan Bahasa Melayu
Belia perlu sentiasa peka dengan perubahan-perubahan yang berlaku dalam perbendaharaan Bahasa Melayu. Perubahan ini seiring dengan perkembangan teknologi

dan penggunaan terma-terma Bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke Bahasa Melayu (Shakila et al. 2018).

5. Penggunaan yang terhad

Literasi jawi hanya digunakan semasa berada dalam alam persekolahan sahaja dan tidak diteruskan luar daripada alam persekolahan (Noraziah et al. 2015) kerana kekangan-kekangan tertentu seperti sumber rujukan, tulisan rumi yang mendominasi, pembelajaran di peringkat tertinggi terhad dan sebagainya.

Perkara di atas merupakan antara cabaran-cabaran yang dilalui oleh belia digital dalam memperkasakan literasi jawi dalam dunia digital. Diharapkan cabaran-cabaran tersebut dapat diatasi dari semasa ke semasa.

3.2 Peluang literasi jawi

Untuk menyemai kecintaan memelihara tulisan jawi dalam masyarakat Malaysia terutamanya belia digital, terdapat beberapa peluang yang boleh dimanfaatkan dalam kalangan belia digital antaranya ialah:

1. Penyertaan dalam program yang melibatkan literasi jawi.

Pembudayaan jawi melalui komik digital telah dilaksanakan dan dapat menarik minat golongan muda termasuk belia. (Rabi'atuladawyah 2023). Namun program ini hanya sementara sahaja, diharapkan agar program-program berbentuk sedemikian dilaksanakan dari semasa ke semasa dan diperluaskan ke seluruh Malaysia.

2. Menggunakan teknologi dalam literasi jawi

Belia digital boleh menggunakan perisian-perisian terkini dalam menggunakan literasi jawi. Antara perisian-perisian yang ada ialah ejawi, Jawi-AR, I-JAR dan seumpama dengannya. Penggunaan digital dapat memperkukuhkan dan mengkomersialkan lagi tulisan jawi (Norsuhaila 2022).

3. Menyertai pertandingan

Menyerta pertandingan dalam literasi jawi contohnya pertandingan penulisan khat dan juga pertandingan membaca jawi. Terdapat beberapa pihak yang sering menganjurkan pertandingan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan pertandingan Jaguh Jawi di Pesta Buku Labuan pada tahun 2024. Selain DBP terdapat juga pertandingan yang telah dianjurkan oleh pihak-pihak lain. seperti

4. Membina sumber rujukan sendiri

Belia digital boleh memasukkan sumber-sumber rujukan hasil dari nukilan sendiri seperti sajak, novel, cerita pendek dan sebagainya dalam bentuk digital.

5. Membina aplikasi

Kemahiran belia dalam digital membuka peluang untuk belia membina sendiri aplikasi-aplikasi yang menggunakan literasi jawi. Aplikasi seperti permainan, kuiz, web dan seumpama dengannya.

Di atas merupakan antara peluang-peluang yang boleh digunakan secara baik oleh belia digital demi untuk memperkasakan literasi jawi. Belia sebagai tonggak negara yang dapat merubah halatuju dalam masyarakat. Semoga dengan cabaran dan peluang yang ada dapat memperkasakan belia digital dalam literasi jawi.

4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, tulisan jawi boleh bersaing dalam dunia digital kini dengan penambaan aplikasi yang sedia ada. Generasi kini celik teknologi, disebabkan itu wujudnya aplikasi jawi dalam dunia digital akan menarik minat para belia untuk mendalami literasi jawi. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh belia digital akan membuka peluang para belia untuk melakukan inovasi terhadap literasi jawi. Belia juga boleh menggunakan peluang-peluang yang ada seperti menyertai program, menggunakan teknologi, menyertai pertandingan dan membina sendiri aplikasi untuk memperkasakan literasi jawi. Tulisan jawi merupakan identiti bangsa yang seharusnya dipelihara agar ianya terus kekal dalam diri belia demi warisan peradaban bangsa Melayu.

5. PENGHARGAAN

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan yang dibiayai dari Dana Geran Dalam Seed Money PPIB UMS (GSM2414). Jutaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah kerana memberi dana untuk menjalankan kajian ini.

6. RUJUKAN

- Aminnudin Saimon dan Nur Hidayah Takmad. (2023). Persepsi Mahasiswa Kulliyyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM Terhadap Tulisan Jawi: Perception of Kulliyyah of Languages and Management Students, IIUM Towards Jawi Writing. *LSP International Journal*, 10(1), 103-122. <https://doi.org/10.11113/lspi.v10.19673>.
- Asar Abdul Karim (2025). Potensi Jawi Digital dalam Memperkukuh Tulisan Jawi. <https://news.umpsa.edu.my/experts/potensi-jawi-digital-dalam-memperkukuh-tulisan-jawi>.
- Fuadi bin Abdul Razak, Azrizan binti Abu Bakar dan Ruziman bin Omar. (2022). Cabaran Tulisan Jawi Dalam Revolusi Industri 4.0. *Prosiding Kolokium STREM PdPc Tahun 2022. Kolokium Stream PDPC*. https://www.researchgate.net/publication/365489181_Prosiding_Kolokium_STREM_PdPc_Tahun_2022_ISSNE_XXXXXXXXXXXXXXXXX_CABARA_N_TULISAN_JAWI_DALAM_REVOLUSI_INDUSTRI_40_Fuadi_bin_Abdul_Razak_1/citations.
- Hadafi Fitri Mohd Latip. (2025). <https://stadiumastro.com/sukan-lain/selamat-hari-belia-belia-digital-aspirasi-emas-negara-288585>.
- Harian Metro*. (2023). <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033444/had-umur-30-tahun-belia-berkuat-kuasa-1-januari-2026>.
- Nor Aziah Abd Kadir, Khalid Mat Pardi dan Nurul Afzan Naji.s (2015) *Kelestarian dan pelestarian tulisan jawi dalam kalangan mahasiswa* dalam KONAKA Konferensi Akademik 2015 Pelestarian Warisan Melayu Pencetus Penambahan Ilmu, 4 November 2015, Al-Biruni, UiTM Cawangan Pahang. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/67921/>.
- Noorain Syahirah Mohd Pazli dan Aminnudin Saimon. (2022). Tahap penguasaan tulisan Jawi: tinjauan terhadap golongan muda, pertengahan dan warga emas. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5 (1). pp. 128-137. <https://kulliyyah.iium.edu.my/klm/wp-content/uploads/sites/14/2022/11/114-123-Tahap-Penguasaan-Tulisan-Jawi-Tinjauan-Terhadap-Golongan-Muda-Pertengahan-dan-Warga-Emas.pdf>.
- Norsuhaila Ibrahim. (2022). Mengkomersialkan tulisan jawi menerusi Teknologi Pendigitalan. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2022/08/15/4699/>.

- Nurhanis Hidayah Hanijan dan Julaina Nopiah (2024). Kesedaran Generasi Z Terhadap Penggunaan Sistem Tulisan Jawi. *International Young Scholars Journal of Languages*, 7. Pp.105-118. <https://kulliyyah.iium.edu.my/kstcl/wp-content/uploads/sites/14/2025/01/IYSJL-Vo.-7-Dec-2024-Cover-updated-14-Jan.pdf>
- Rabi'atuladawyah Md. Saleh. (2023). Pembaharuan dalam Pembudayaan Jawi melalui Komik Digital Tarik Pengunjung. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2023/08/27/9373/>.
- Shakila Ahmad, Hussain Othman, Rafiuddin Afkari, Mikdar Rusdi dan Mohd. Hisyam Abdul Rahim. (2018). Tinjauan Terhadap Cabaran Semasa Tulisan Jawi Sebagai Warisan Masyarakat Peradaban Bangsa Melayu. *Journal of Techno-Social* 10 (1). <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1382>.